



**S1:Apa yang dimaksudkan dengan Sistem Taksir sendiri (STS)?**

J1:Mengikut STS syarikat dikehendaki untuk menetapkan anggaran cukai kena dibayar dan membayar anggaran tersebut secara ansuran. Syarikat juga dikehendaki mengemukakan kepada KPHDN suatu penyata di dalam borang yang ditetapkan yang menunjukkan pendapatan bercukai dan cukai yang kena dibayar ke atas pendapatan tersebut. Apabila penyata itu dikemukakan, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) disifatkan telah membuat taksiran pada hari penyata itu dikemukakan kepadanya.

**S2:Siapa yang perlu mengemukakan anggaran?**

J2: Semua syarikat dikehendaki mengemukakan anggaran cukai yang kena di bayar bagi sesuatu tahun taksiran kepada KPHDN. Ini termasuk syarikat yang menganggarkan tidak layak dikenakan cukai.

**S3:Bagaimana mengemukakan anggaran?**

J3:Anggaran cukai hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang ditetapkan CP204 yang disediakan oleh LHDN.

**S4:Bila anggaran perlu dikemukakan?**

J4:

- Syarikat sedia ada ---- Tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh bagi sesuatu tahun taksiran
- Syarikat baru ---- Dalam Tempoh 3 bulan dari tarikh permulaan perniagaan.

**S5:Bolehkah syarikat meminda anggaran cukai kena dibayar?**

J5:Syarikat dibenarkan membuat pindaan anggaran cukai dengan mengemukakan borang ditetapkan CP204A.



**S6: Bila pindaan boleh dilakukan?**

J6:Pindaan kepada anggaran cukai boleh dibuat dalam bulan ke-6 dan ke-9 dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.

**S7: Bilakah bayaran ansuran perlu dimulakan?**

J7:Anggaran cukai hendaklah dibayar secara ansuran setiap bulan mulai bulan kedua dalam tempoh asas untuk sesuatu tahun taksiran.

**S8: Bilakah bayaran ansuran perlu dijelaskan?**

J8:Setiap bayaran ansuran perlu dibayar selewat-lewatnya pada hari ke-10 dalam bulan berkaitan.

**S9:Apakah akibatnya jika bayaran ansuran tidak dibuat dalam tempoh ditetapkan?**

J9:Cukai akan dinaikkan sebanyak 10% atas amaun baki yang tidak dibayar pada tarikh ditetapkan.

**S10: Apakah syarikat perlu lakukan sekiranya anggaran cukai dipinda kurang daripada bayaran ansuran yang telah dibuat?**

J10:Jika bayaran ansuran yang telah dibuat dalam tahun itu melebihi anggaran cukai yang dipinda, syarikat bolehlah memberhentikan bayaran ansuran tersebut.

**S11.Bilakah baki cukai perlu dibayar?**

J11:Jika cukai sebenar melebihi bayaran ansuran yang telah dibuat dalam sesuatu tahun taksiran, perbezaannya hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada tarikh yang ditetapkan. Tarikh yang ditetapkan ialah hari terakhir bulan ketujuh dari tarikh penutupan akaun.



**S12: Apakah akibatnya jika baki cukai tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan?**

J12:Cukai akan dinaikkan sebanyak 10% atas amaun yang tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan tanpa sebarang notis dihantar. Jika masih tidak dibayar selepas 60 hari dari tarikh ditetapkan, baki cukai yang tidak dibayar akan dinaikkan sebanyak 5% lagi.

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu Bagi Syarikat**

**Pusat Khidmat Pelanggan Kuala Lumpur**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**2012**